

1223/1  
Pendidikan  
Islam  
Kertas 1  
September  
2009  
2 jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
NEGERI PERAK  
2009

---

---

PENDIDIKAN ISLAM

KERTAS 1

Dua Jam

---

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B*
2. *Bahagian A mengandungi 40 soalan objektif yang diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D serta soalan mengisi tempat kosong. Jawab semua soalan pada kertas jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini*
3. *Bahagian B mengandungi empat soalan subjektif. Soalan 1 dan Soalan 2 wajib dijawab dan pilih mana-mana satu soalan berikutnya. Kesemua tiga soalan wajib dijawab. Semua jawapan hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Ceraikan jawapan Bahagian A dan ikatkan bersama-sama dengan kertas jawapan Bahagian B.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

Dapatkan skema Jawapan di Laman

**Bahagian A**  
[40 markah]  
*Jawab semua soalan*

**Soalan 1 hingga Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. **Hitamkan** jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

1. 

<ul style="list-style-type: none"><li>• Tidak mengakui balasan di akhirat</li><li>• Menyatakan solat fardu merugikan masa</li></ul>
---

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Kufur nikmat  
B Kufur hakikat  
C Syirik khafi  
D Syirik Jali
2. Golongan penyokong Saidina Ali yang berjuang menentang Muawiyah tetapi menolak Majlis Tahkim ialah
- A Khawarij  
B Qadyani  
C Taslim  
D Syiah
3. Hukuman terhadap orang yang mengambil hak orang lain secara kekerasan (merompak) ialah
- A Dipenjara  
B Dibuang negeri  
C Dipotong tangan  
D Dipotong tangan dan kaki bersilang
4. Akibat lari dari medan perang ialah
- I Menerima harta rampasan perang  
II Dipandang hina oleh masyarakat  
III Terselamat daripada dibunuh  
IV Merendahkan martabat agama
- A I dan II  
B I dan III  
C II dan IV  
D III dan IV
5. Pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah tentang al-Quran.
- A Al-Quran bukan makhluk  
B Al-Quran bukan qadim  
C Al-Quran bersifat baharu  
D Al-Quran adalah makhluk

Dapatkan skema Jawapan di Laman

6.

Tidak mampu memberi nafkah tetapi berkeinginan untuk berkahwin

Hukum perkahwinan bagi pernyataan di atas ialah

- A Haram
- B Harus
- C Sunat
- D Makruh

7.

- Memberi kelapangan kepada jemaah haji
- Umrah dalam bulan haji

Pernyataan di atas merujuk kebaikan haji

- A Ifrad dan Qiran
- B Ifrad dan Tamattuk
- C Tamattuk dan Qiran
- D Ifrad, Tamattuk dan Qiran

8.

Sejenis terbitan yang dikeluarkan oleh syarikat sebagai alat pemilikan

Pernyataan di atas merujuk kepada maksud

- A Syarikat
- B Saham
- C Insurans
- D Gadaian

9.

- Penggadai meninggal dunia
- Penggadai telah membayar semua hutangnya
- Barang yang digadai telah rosak

Pernyataan di atas menerangkan tentang

- A Rukun gadaian
- B Syarat sah gadaian
- C Larangan dalam gadaian
- D Perkara yang membatalkan gadaian

10. Pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah jemaah haji wajib mengerjakan ibadat

- A Bermalam di Muzdalifah
- B Melontar di Jamrah al-Aqabah
- C Berniat ihram di Miqat
- D Melontar di ketiga-tiga jamrah

11. Antara berikut yang manakah syarat sah bagi saksi nikah?

- I Islam
  - II Adil
  - III Merdeka
  - IV Baligh
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV


12.

Pembatalan ikatan perkahwinan disebabkan syarat-syarat yang tidak dipenuhi semasa akad nikah atau disebabkan masalah yang berlaku dalam rumahtangga.

Penyelesaian masalah perkahwinan seperti situasi di atas ialah

- A Talak
- B Rujuk
- C Fasakh
- D Khuluk

13.



X ialah

- A Lian
- B Zihar
- C Nusyuz
- D Fasakh


14. Antara yang berikut **bukan** jawatan baru yang diwujudkan oleh pemerintah Khulafa' Al-Rasyidin

- A Bendahari
- B Setiausaha
- C Ketua Hakim
- D Ketua Setiausaha

15. Pada kurun ke 10 masehi, kota Y menjadi pusat ilmu pengetahuan di Eropah. Y ialah

- A Serville
- B Cardova
- C Toledo
- D Granada

16.



Gambarajah di atas merujuk kepada strategi peperangan di zaman Abbasiyah. Namakan strategi tersebut.

- A Al-Manjanik  
 B Al-Dababah  
 C Al-Barud  
 D Al-Karadis
17. Berikut ialah faktor-faktor perkembangan sains dan teknologi pada zaman Abbasiyah **kecuali**
- A Perpaduan kaum  
 B Aktiviti terjemahan  
 C Galakan khalifah  
 D Globalisasi ilmu
18. Antara sumbangan Syeikh Muhammad Abduh dalam bidang pendidikan ialah
- I Mewujudkan piawaian dalam penganugerahan sijil  
 II Menyediakan peruntukan gaji guru di perbendaharaan negara  
 III Menubuhkan Madrasah Al-Iqbal Al-Islamiah  
 IV Mengembalikan kefahaman umat Islam kepada ajaran Islam sebenar
- A I dan II  
 B I dan III  
 C II dan IV  
 D III dan IV
19. Guru ilmu feqah kepada Imam Abu Hanifah selama 18 tahun ialah
- A Anas bin Malik  
 B Zaid bin Ali  
 C Imam Hammad bin Abi Sulaiman  
 D Muhammad bin Al-Hassan bin Al-Syaibani

20.

Orang yang ingin belajar ilmu hendaklah berusaha mencarinya,  
bukan ilmu yang datang mencarinya


Pernyataan di atas adalah prinsip

- A Imam Abu Hanifah r.a.
- B Imam Malik r.a.
- C Imam Shafie r.a.
- D Imam Ahmad bin Hanbal r.a.

**Soalan 21 hingga Soalan 40**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.


- 21. Harta anak yatim diperolehi melalui \_\_\_\_\_, wasiat dan hadiah.
- 22. Hukum makan harta anak yatim ialah \_\_\_\_\_.



- 23. P dalam rajah di atas ialah \_\_\_\_\_.

Soalan 24 dan 25 berdasarkan rajah di bawah.


Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.



24. Q dalam rajah di atas ialah \_\_\_\_\_.
25. R dalam rajah di atas ialah \_\_\_\_\_.
26. Mahar yang ditentukan kadarnya mengikut kadar mahar saudara-saudara perempuan pihak isteri ialah \_\_\_\_\_.
27. Talak satu atau dua disebut sebagai \_\_\_\_\_.
28. Karya agung Ibnu Sina dalam bidang perubatan ialah \_\_\_\_\_.
29. Hasil karya HAMKA meliputi bidang agama, falsafah dan \_\_\_\_\_.


- Halal dimakan
- Mati dengan sekali sembelihan
- Putus urat halkum dan urat meri

30. Pernyataan di atas merujuk kepada syarat sah \_\_\_\_\_.
31. Hukum menangguhkan pembayaran hutang bagi orang yang berkemampuan ialah \_\_\_\_\_.



32. S dalam rajah di atas ialah \_\_\_\_\_.
33. Khalifah Uthman bin Affan telah menetapkan bahawa al-Quran dibaca hanya menggunakan lajah \_\_\_\_\_.
34. Bahagian yang bertanggungjawab menguruskan pengambilan dan latihan kepada tentera-tentera baru di zaman Abbasiyah ialah \_\_\_\_\_.
35. Bentuk-bentuk pencemaran alam ialah air, udara, bunyi dan \_\_\_\_\_.

Soalan 36 dan 37 berdasarkan rajah di bawah.



36. T dalam rajah di atas ialah \_\_\_\_\_.
37. U dalam rajah di atas ialah \_\_\_\_\_.
38. Mahkamah syariah di Malaysia terdiri daripada Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan \_\_\_\_\_.
39. Tempoh mengucapkan takziah kepada keluarga si mati tidak melebihi \_\_\_\_\_ hari.
40. Kategori rekreasi terbahagi kepada rekreasi aktif dan \_\_\_\_\_.



**Bahagian B**  
[60 markah]

*Jawab tiga soalan: Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan berikutnya.*

1. (a) Nifak merupakan perbuatan yang boleh membatalkan iman.
- (i) Nyatakan maksud nifak. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan buruk perbuatan nifak. [4 markah]
- (b) Mengumpat bererti mengata atau menceritakan keburukan seseorang pada masa ketiadaannya.
- (i) Terangkan sebab berlakunya perbuatan tersebut. [2 markah]
- (ii) Huraikan **dua** langkah untuk mengatasi masalah tersebut. [4 markah]
- (c) Bahai adalah salah satu ajaran sesat yang terdapat di Malaysia.
- (i) Siapakah pengasas ajaran Bahai? [2 markah]
- (ii) Nyatakan ciri ajaran Bahai yang bertentangan dengan akidah Islam. [2 markah]
- (iii) Cadangkan **dua** cara untuk membendung ajaran Bahai daripada terus merebak di kalangan masyarakat. [4 markah]
2. (a) (i) Nyatakan maksud hutang menurut Islam. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** rukun hutang. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** hikmah diharuskan berhutang. [4 markah]

(b)



**Gambar 1**

Anak angkat hendaklah dipelihara dengan sempurna seperti anak kandung.

- (i) Nyatakan hukum mengambil anak angkat. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** peraturan yang berkaitan dengan pengambilan anak angkat. [4 markah]

- (c) Poligami adalah perkara yang diharuskan oleh Islam.
- (i) Nyatakan pengertian poligami. [2 markah]
- (ii) Jelaskan kesan poligami yang tidak mengikut syarat. [2 markah]
- (iii) Encik Adnan mengahwini Aminah selepas tiga bulan isteri keempatnya meninggal dunia. Nyatakan hukum dan alasan bagi situasi di atas. [2 markah]
3. (a) Khalifah Umar bin Abdul Aziz adalah Khalifah Umayyah yang dianggap Khulafa' Al-Rasyidin yang kelima.
- (i) Jelaskan peranan beliau dalam membangunkan tamadun Islam pada zaman Umayyah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** faktor kejatuhan Kerajaan Umayyah. [4 markah]
- (b) Imam Malik adalah pengasas Mazhab Maliki.
- (i) Terangkan pendidikan yang diterima oleh beliau. [4 markah]
- (ii) Nyatakan kitab karangan beliau yang masyhur. [2 markah]
- (c) (i) Jelaskan **dua** adab menjaga orang sakit dari aspek fizikal. [4 markah]
- (ii) Huraikan akibat tidak beradab ketika menjaga orang sakit. [4 markah]
4. (a) Kemantapan ekonomi Kerajaan Abbasiyah bergantung kepada aktiviti pertanian, perindustrian dan perdagangan.
- (i) Terangkan peranan para khalifah Abbasiyah dalam memajukan sektor pertanian. [2 markah]
- (ii) Huraikan **dua** peranan Baitulmal pada zaman Kerajaan Abbasiyah. [4 markah]
- (b) Ibnu Khaldun merupakan tokoh negarawan, sejarawan, budayawan dan cendekiawan.
- (i) Nyatakan pendapat beliau tentang asas penting dalam pembinaan negara. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan peninggalan Ibnu Khaldun terhadap tamadun manusia hari ini. [4 markah]

(c)

**Gambar 2**

Gambar bas membawa rombongan pelancong

- (i) Terangkan **dua** adab yang perlu anda lakukan sebelum bermusafir. [4 *markah*]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan buruk tidak mematuhi adab bermusafir. [4 *markah*]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

Dapatkan skema Jawapan di Laman

## KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

NAMA: \_\_\_\_\_

TINGKATAN: \_\_\_\_\_

- |     |   |   |   |   |     |       |
|-----|---|---|---|---|-----|-------|
| 1.  | A | B | C | D | 21. | _____ |
| 2.  | A | B | C | D | 22. | _____ |
| 3.  | A | B | C | D | 23. | _____ |
| 4.  | A | B | C | D | 24. | _____ |
| 5.  | A | B | C | D | 25. | _____ |
| 6.  | A | B | C | D | 26. | _____ |
| 7.  | A | B | C | D | 27. | _____ |
| 8.  | A | B | C | D | 28. | _____ |
| 9.  | A | B | C | D | 29. | _____ |
| 10. | A | B | C | D | 30. | _____ |
| 11. | A | B | C | D | 31. | _____ |
| 12. | A | B | C | D | 32. | _____ |
| 13. | A | B | C | D | 33. | _____ |
| 14. | A | B | C | D | 34. | _____ |
| 15. | A | B | C | D | 35. | _____ |
| 16. | A | B | C | D | 36. | _____ |
| 17. | A | B | C | D | 37. | _____ |
| 18. | A | B | C | D | 38. | _____ |
| 19. | A | B | C | D | 39. | _____ |
| 20. | A | B | C | D | 40. | _____ |

Bahagian	Markah				Jumlah Markah
A					
B	Soalan 1	Soalan 2	Soalan 3	Soalan 4	

Dapatkan skema Jawapan di Laman